

Tuntutan Sulu: Rakyat Sabah sudah memilih, kekal bersama Malaysia

KOTA KINABALU: Kerajaan Sabah mengulangi pendiriannya untuk tidak mengiktiraf sebarang tuntutan pihak yang mendakwa waris Kesultanan Sulu terhadap negeri ini.

Ketua Menteri, Datuk Hajiji Noor, menegaskan yang keputusan itu jelas dan selaras dengan suara rakyat Sabah yang menyatakan persetujuan untuk membentuk Malaysia pada 1963 dan diiktiraf Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Saya sekali lagi menegaskan bahawa kerajaan negeri tidak pernah dan tidak akan mengiktiraf tuntutan Kesultanan Sulu ke atas Sabah.

"Rakyat negeri ini sudah membuat keputusan untuk bersama-sama membentuk sebuah negara Malaysia berdaulat yang diiktiraf oleh PBB," katanya ketika menggulung perbahasan Jabatan Ketua Menteri Sabah pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah, di sini, hari ini.

Pendirian itu turut disokong semua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang tampil menyatakan sokongan termasuk mencadangkan agar DUN Sabah membahaskan usul berhubung pendirian berkenaan.

Hajiji berkata, pendirian kerajaan negeri cukup jelas dan meminta agar ia tidak dipolitikkan sejajar kedudukan Sabah yang sama-sama membentuk negara Malaysia.

"Saya nampak tanpa prejudis semua di sini dan rakyat Sabah tegas bahawa kita tidak mengiktiraf sama sekali tuntutan ke atas Sabah," katanya.

Tuntutan waris Kesultanan Sulu yang dibawa ke mahkamah arbitrase di Madrid, Sepanyol adalah antara isu panas yang dibangkitkan pada Persidangan DUN Sabah kali ini.

Dalam hal lain, Hajiji berkata Laporan Awal Banci Penduduk dan Perumahan Sabah 2020 dikeluarkan **Jabatan Perangkaan Malaysia** Sabah menunjukkan populasi penduduk Sabah ketika ini ketika ini seramai 3,418,785 orang.

Daripada jumlah itu, katanya 810,443 atau 23.7 peratus adalah bukan warga negara manakala warga negara Malaysia di Sabah ialah 2,608,324.

Katanya, perangkaan itu menunjukkan jumlah warga asing khususnya dari Filipina tidak sampai sejuta orang seperti didakwa sebelum ini.

"Namun begitu, Kerajaan Negeri akan terus berusaha menangani isu-isu berkaitan pendatang asing yang berlarutan sejak sekian lama di negeri ini seperti yang dibangkitkan.

"Untuk tujuan itu, pada 16 Februari 2022 yang lalu, kerajaan negeri menubuhkan Jawatankuasa Khas Peringkat Kabinet yang dipengerusikan Timbalan Ketua Menteri II.

"Jawatankuasa ini akan mencari pendekatan terbaik dan seterusnya mengemukakan semua rekomendasi kepada jemaah menteri dalam tempoh tiga bulan," katanya.

<https://www.msn.com/en-my/news/berita/tuntutan-sulu-rakyat-sabah-sudah-memilih-kekal-bersama-malaysia/ar-AAVr6R7>